

Umno sudah pulih sepenuhnya: Dr M

BH 18 NOV 1989

KUALA LUMPUR, Jumaat — "Umno sudah pulih sepenuhnya," kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tahun ini kita berjaya memulihkan sepenuhnya pertubuhan yang kita sayangi ini, pertubuhan yang begitu berjasa kepada orang Melayu, kepada rakyat dan Malaysia," katanya.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir, berkata tahun lalu, wakil yang menghadiri perhimpunan agung Umno tidak dipilih melalui proses biasa. Mereka dipilih melalui peruntukan perlembagaan, khusus ketika penubuhannya. Peraturan tahun lalu adalah bersifat sementara.

Tahun ini, perwakilan yang hadir di perhimpunan agung ini mewakili bahagian masing-masing setelah diadakan pemilihan.

Dalam ucapan bertemakan kewibawaan Umno, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, ketika dalam proses penubuhan parti, Umno terpaksa menyekat kemasukan mereka yang tidak berminat untuk memulihkan Umno.

Bagaimanapun, katanya, setelah Umno dipulihkan di segi semangat keahlian, pentadbi-

ran, perlembagaan serta di sisi undang-undang, setelah mendapat sokongan daripada sebahagian besar ahli yang setia, Umno membuka pintu parti kepada semua bekas ahli dan semua orang Melayu.

"Hari ini, pintu Umno terbuka luas untuk siapa saja menjadi ahlinya. Mereka yang menyebabkan parti kita diheret ke mahkamah pun, sanggup kita terima," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kemasukan setiap orang Melayu ke dalam parti bermakna mereka menerima perlembagaan, tradisi dan cara-cara pentadbiran parti. Walaupun perlembagaan parti tidak boleh mengatasi undang-undang negara, tetapi apabila menyertai Umno, mereka tentulah sanggup meletakkan diri mengikut perlembagaan parti.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin, dengan ahli yang setia, bersemangat Umno dan percaya kepada perpaduan Melayu, akan menjamin kekuatan dan kejayaan Umno.

Katanya, perbuatan menghancurkan parti kerana kita tidak bersetuju dengan suara ramai, membelakangkan jentera parti dan mencari penyelesaian di luar parti, menghalang perjalanan parti kerana kita tidak mendapat se-

suatu untuk diri sendiri, menunjukkan mereka tidak faham selok-belok berparti dan konsep suara ramai dalam parti yang demokratik.

Presiden Umno juga mengingatkan bahaya pemilihan yang boleh membawa perpecahan.

"Kita mendapati bahawa pemilihan pemimpin di masa lampau sering membawa kepada perpecahan. Sesiapa juga yang dipilih dalam pertandingan, beliau tidak mungkin mendapat sokongan semua pihak. Yang tidak menyokongnya akan kecewa dan mungkin mengasingkan diri. Ini akan menyebabkan kepemimpinan orang yang terpilih menjadi lemah kerana ada ahli yang tidak sanggup merapatkan barisan di belakangnya selepas pemilihan.

Dengan itu, katanya, pemimpin yang terpilih akan kurang berkesan dan tidak akan berjaya memimpin parti di peringkat bahagian untuk menentukan kemenangan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya.

"Apa gunanya menang menjadi pemimpin bahagian tetapi kemudian kerusi Dewan Undangan Negeri atau Parlimen bagi kawasan berkenaan jatuh ke tangan pihak lawan?" katanya.